



Sebahagian komputer yang dijadikan **mesin judi dirampas** dalam 'Ops Dadu' di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, semalam. (FOTO AZMAIDI ABIDIN/BH)

Tawar khidmat judi di rumah

B/H 26/7/12
MS 27.

» *Siasat aplikasi perjudian dalam internet*

Oleh **Nik Sukry Ramli**
niksukry@bharian.com.my

► **Kuantan**

Kaki judi berkomputer tidak lagi perlu bersusah-payah ke pusat tertentu untuk melepaskan gian kerana sudah ada individu menawarkan khidmat muat turun terus di rumah.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pahang, Senior Asisten Komisioner T Narenasagaran, berkata modus operandi itu antara yang dikesan dalam 'Ops Dadu' dijalankan Januari hingga Jun lalu.

"Pengendali perjudian membawa komputer riba untuk memuat turun ap-

likasi perjudian internet kepada pelanggan yang berminat. Ia lebih senang dilakukan kerana mereka mudah bertukar lokasi, sekali gus sukar dikesan pihak berkuasa," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Narenasagaran berkata, kesalahan memuat turun aplikasi perjudian internet untuk premis kediaman boleh di-siasat mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Rumah Judi Terbuka (AR-JT) 1953.

213 permis diperiksa

Beliau berkata, polis yang melakukan pemeriksaan di 213 premis di seluruh negeri ini, merampas 2,644 unit komputer bernilai kira-kira RM2.2 juta yang sudah diubahsuai untuk me-

nerima pertaruhan, selain menahan 1,256 individu dan merampas wang tunai RM104,108.

"Pemeriksaan juga mendapati masih ada pemilik

premis melakukan kesalahan berulang menjalankan aktiviti perjudian ini. Kita sudah minta kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) memotong bekalan elektrik premis berkenaan dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) membatalkan lesen perniagaan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut mendapatkan bantuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi memotong talian internet digunakan premis itu.

“**Ia lebih senang dilakukan kerana mereka mudah bertukar lokasi, sekali gus sukar dikesan pihak berkuasa**”

T Narenasagaran,
Ketua Jabatan
Siasatan Jenayah
Pahang